

KERAJAAN-KERAJAAN MELAYU MENURUT TEKS-TEKS ARAB

Norhidayah Mohd Mukhtar & Roziah Sidik @ Mat Sidek

ABSTRAK

Prapanca pada 1287S/1365M menulis dalam Nagarakertagama bahawa terdapat sejumlah 97 kerajaan Melayu bernaung di bawah Empayar Majapahit. Kerajaan-kerajaan tersebut adalah: (i) Pulau Sumatera (24 kerajaan): Malayu, Jambi, Palembang, Karitang, Teba, Dharmasraya, Kandis, Kahwas, Manangkabwa, Siyak, Rekan, Kampar, Pane, Haru, Mandahiling, Tumohang, Parlak, Barat, Lwas, Samudra, Lamuri, Batan, Lampung & Barus. (ii) Pulau Borneo (23 kerajaan): Kapuhas, Katingan, Sampit, Kuta Lingga, Kuta Waringin, Sambas, Lawai, Kadangdangan, Landa, Samedang, Tirem, Sedu, Buruneng, Kalka, Saludung, Solot, Pasir, Baritu, Sawaku, Tabalung, Tanjung Kute, Malano & Tanjung Pura. (iii). Semenanjung Tanah Melayu (16 kerajaan): Pahang, Hujung Medini, Lengkasuka, Saimwang, Kalantan, Tringgano, Nashor, Pakamuwar, Dungun, Tumasik, Sanghyang Hujung, Kelang, Keda, Jere, Kanjap & Niran. (iv). Pulau Jawa (Timur) (31 kerajaan): Bali, Badahulu, Lwa-Gajah, Sukun, Taliwang, Dompo, Sapi, Sanghyang Api, Bhima, Hutan Kedali, Gurun, Lombok Mirah, Saksak, Bantayan, Luwuk, Uda, Makasar, Butun, Banggawi, Kunir, Galiyao, Salaya, Sumba, Solot, Mukar, Wandan, Ambwan, Maloko, Wwanin, Seran_ & Timur. (v). Indo-Cina (3 kerajaan): Dharmanagari, Rajapura & Campa. Sehingga kini sejarawan-sejarawan dunia masih bertungkus-lumus berusaha membuktikan apakah sebenar-benarnya kesemua kerajaan Melayu ini wujud tatkala itu. Menerusi semakan terhadap beberapa teks Arab yang dikarang sekitar 800-1500M, kami akan berusaha menggelintar kembali karya-karya yang telah dianalisis mulai 100 tahun kebelakangan ini oleh sejarawansejarawan dunia itu.

PENGENALAN

Kerajaan Melayu-kerajaan Melayu besar seperti kerajaan Srivijaya, kerajaan Majapahit, kerajaan Perlak dan lain-lain telah banyak disebut di dalam teks-teks lokal, namun pentarikhannya agak lewat. Oleh itu, kami telah mencari kerajaan-kerajaan Melayu menerusi teks-teks Arab sekitar tahun 800-1500M. Pedagang-pedagang Arab telah datang ke Asia Tenggara yang menjadi pelabuhan atau pusat perdagangan dari pelbagai negara, khususnya China menerusi laut India, laut Harkand, laut Melayu, menelusuri Selat Melaka sebelum meneruskan pelayaran ke China.

Pedagang-pedagang Arab yang berlayar ke Asia Tenggara khususnya di wilayah Sumatra dan Semenanjung Melayu telah merekodkan beberapa maklumat seperti kedudukan tempat/pulau, jarak antara satu tempat/pulau ke tempat/pulau yang lain dan nama-nama tempat/negeri yang mereka singgah, sama ada untuk mendapatkan bekalan air bersih atau mencari sumber-sumber asli tempatan atau berdagang dengan orang tempatan dan orang asing. Selain itu, direkodkan juga tentang penduduknya, raja-raja, haiwanhaiwan dan tumbuh-tumbuhan yang ditemui serta hasil pengeluaran negara atau tempat itu.

Di dalam kertas kerja ini, kami telah membuat semakan terhadap teks-teks Arab berkenaan tempat atau negara dan kerajaan-kerajaan Melayu yang telah direkodkan oleh antaranya, Abu Zaid dalam kitabnya *Akhbar al-Sin wa'l-Hind* (850), Ibn Khurhadhhbih dalam kitabnya *Kitab al-Masalik wa'l-Mamalik* (850), Ya'qubi (897), Ibn Rusta dalam kitabnya *al-Alak al-Nafisa* (900), Ibn al-Faqih dalam *Kitab al-Buldan* (903), Abu Zaid (916), Abu Dulaf Mi'sar dalam kitabnya *Risala* (940), Ibn Serapion (950), Mas'udi, Muruj al-Dhahab(956), Ibn al-Nadim dalam *Fihrist* (988), Sinbad (pengembaraan pertama, ketiga hingga kelima), dalam kitab *Ajaib al-Hind* dan *Mukhtasar al-Hind* (1000) yang tidak diketahui pengarangnya, Ibn Yunus (1009), Al-Biruni dalam kitabnya *Tarikh al-Hind* (1048), dalam *Kitab al-Tafhim* (1048) tidak diketahui pengarangnya, Marwazi (1120), Kharaqi (1138), Idrisi dalam kitab *Nuzhat al-Mushtaq* (1165), Yaqut Marasid al-Ittila' (1229), dalam kitab *al-Mushtariq* (1229) yang tidak diketahui pengarangnya, Qazwini dalam *Kitab athar al-bilad* (1238), Ibn al-Baitar dalam kitab *al-Jami' fi adwiya al-mufradat* (1248), , al-Mughni (1248), Ibn Said (1274), Wassaf (1300), Shirazi (1311), Rashid al-Din (1318), Dimashqi dalam kitabnya *Nukhbat al-dahr* (1325), Abu'l Fida dalam kitab *Taqwim al-Buldan* (1331), Ibn Battuta dalam kitabnya *Tuhfat an-Nuzzar fi Ghara ib al-Amsar wa 'Ajaib al-Asfar* (1377), Bakuwi dalam kitab *Talkhis al-athar* (1400), Ibn al-Wardi (1457), Abd al-Razzaq (1482), Ahmad Ibn Majid dalam kitabnya *Hawiyat al-Ikhtisar fi 'Ilm al-Bihar* (1462), Al-Fawaaid fi Usl "ilm al-Bahr wa'l-Qawaiid (1488) tidak diketahui pengarangnya, Ibn Iyas dalam kitabnya *Nashaq al-azhar* (1524), Sulaiman al-Mahri dalam kitabnya *Al-'Umdat al-Mahriyah fi Dabt al-'Ulum al-Najmiyah* (1550), Kitab al-Minhaj al-Fakhir fi 'ilm al-Bahr al-Zakhir (1550) tidak diketahui pengarangnya dan Sidi Ali Celebi dalam kitabnya *Muhit* (1553).

Keberadaan Kerajaan-kerajaan Melayu dalam Teks-teks Arab Zabaj

Kerajaan Zabaj adalah kerajaan Melayu purba yang berada di suatu tempat di Asia Tenggara, iaitu antara kerajaan Chenla (sekarang Kemboja) dengan Jawa. Zabaj adalah istilah Arab untuk Sumatra dan Jawa, secara langsungnya dihubungkan dengan Empayar Srivijaya, dalam istilah Cina pula, Zabaj dinamakan Sanfotsi, manakala dalam istilah Sankrit, Zabaj dinamakan Javaka.


Kajian yang telah mantap oleh beberapa ahli sejarah menyatakan bahawa kerajaan Zabaj adalah Srivijaya, iaitu suatu tempat di Sumatra, Jawa atau Semenanjung Tanah Melayu. Ramai sarjana menidentifikasi Zabaj dengan Srivijaya, sebuah empayar maritime yang berpusat di Sumatra. Selain itu mereka juga menyamakan Zabaj dengan Javaka (dalam teks Pali) dan juga muncul dalam sumber India. Sejarawan Indonesia berpandangan Zabaj mempunyai hubungan dengan daerah Muara Sabak (sekarang), muara Sungai Batang Hari di Tanjung Jabung Timur, wilayah Jambi. Namun, kedudukan yang tepat masih menjadi perbahasan di kalangan sarjana. Kemungkinan-kemungkinan lokasi lain bagi Zabaj yang dijangkakan ialah di Boneo Utara dan Filifina. Empayar Zabaj diorientasikan ke arah Khmer, yang mana hari ini terdiri daripada Kemboja moden dan Vietnam Selatan.

Zabaj banyak direkodkan di dalam teks-teks Arab, antaranya oleh Khurdadhbih (850M) yang menyatakan bahawa Raja Zabaj dipanggil Punggawa dan raja Pulau-pulau di laut Timur dipanggil dengan gelaran Maharaja. Di Zabaj terdapat gunung tanah liat yang mengeluarkan perak dan antara gunung-gunung Zabaj dikatakan terdapat banyak ular besar yang memakan manusia, kerbau malah gajah. Negara ini mengeluarkan pokok-pokok kampor yang tinggi dan besar. Ibn al-Faqih (903) juga mencatatkan tentang Raja Zabaj yang dipanggil Maharaja yang bermaksud raja segala raja dan raja ini sangat kaya. Selain itu, terdapat burung kakak tua yang boleh diajar bercakap dalam bahasa Arab, Parsi, Greek dan Hindi, dan terdapat monyet putih yang berekor seperti musang dan ada yang berbentuk seperti manusia dan boleh bercakap, makan dan minum seperti manusia serta boleh ditemui pelbagai jenis kucing. Hasil pengeluaran yang dilaporkan ialah cengkih, sandal kayu, kampor dan buah pala. Abu Zaid (916M) merekodkan bandar Zabaj terletak berhadapan dengan China, yang jaraknya sebulan perjalanan di laut dan luas negara ini adalah sembilan ratus parasangs.. Dinyatakan juga Maharaja Zabaj memerintah banyak pulau, yang mana kawasan pemerintahannya amat luas melebihi seribu parasangs.

Mas'udi (956M) dalam kitab *Muruj al-Dhahab* menyebut tentang Zabaj bahawa negara ini disempadani oleh India dan ia memisahkan India dengan China. Juga direkodkan bahawa kapal-kapal dari pulau Zabaj datang ke Sungai Khanfu China untuk berdagang sebelum A.H 264. Dinyatakan bahawa kapal-kapal yang datang berdagang adalah dari Basra, Siraf, Oman, India dan pulau-pulau Zabaj dan Sanf. Pelayar dari Siraf dan Oman sering berlayar ke Kalah dan Zabaj. Mas'udi juga mencatatkan di dalam *kitab al-Tanbih* bahawa empayar Zabaj mempunyai populasi yang besar dan bilangan tentera yang tidak terkira banyaknya. Selain itu, terdapat gunung berapi yang besar di pulau-pulau Zabaj.

Di dalam *kitab ajaib al-Hind* (1000M) terdapat penambahan catatan yang dibuat oleh Yunus ibn Mahran al-Sirafi berkenaan Zabaj iaitu di sini dapat dilihat tidak terkira banyaknya jalan-jalan perdagangan, di mana peniagaan pertukaran wang sahaja dikira lebih lapan ratus buah dan beliau juga menyatakan banyak perkara tentang pulau Zabaj ini antaranya Zabaj memupuk masyarakatnya dalam banyak bidang melibatkan bandar-bandar dan kampung-kampung; yang dapat melepas segala perkara. Manakala dalam kitab Mukhtasar Al-Ajaib (C. 1000) tidak diketahui penulisnya mencatatkan bahawa Zabaj merupakan suatu kepulauan atau archipelago yang besar, ramai penduduk dan kaya dengan pelbagai produk.

Penulis-penulis lain yang mencatatkan berkenaan kerajaan Zabaj ini antaranya ialah Ibn Rusta (900M), Ibn Serapion (950), Biruni (973-1048M) dalam kitabnya *India* dan *Kitab Al-Tafhim*, Mawarzi (1120), Idrisi (meninggal dunia 1165), Ibn Said (meninggal dunia 1274), Dimashqi (meninggal dunia 1327) dan Abu'l Fadl 'Allami (meninggal dunia 1602).



Empayar Zabaj

Ramni / Lamuri

Lamuri adalah nama sebuah kerajaan yang terletak di daerah Aceh Besar dengan pusatnya di Lam Reh, daerah Mesjid Raya. Kerajaan ini adalah kerajaan yang lebih dahulu muncul sebelum berdirinya Kesultanan Aceh Darussalam. Sumber asing menyebut nama kerajaan yang mendahului Aceh yaitu "Lamuri", "Ramni", "Lambri", "Lan-li", "Lan-wu-li". Penulis Tionghoa Zhao Rugua (1225) misalnya mengatakan bahwa "Lan-wu-li" setiap tahun mengirim upeti ke "San-fo-chi" (Sriwijaya). *Nagarakertagama* (1365) menyebut "Lamuri" di antara daerah yang oleh Majapahit diakui sebagai bawahannya. Dalam *Suma Orientalnya*, penulis Portugis Tomé Pires mencatat bahwa Lamuri tunduk kepada raja Aceh.

Nama kedua-dua tempat/kerajaan ini sama ada ia merupakan tempat/kerajaan yang sama masih menjadi perbahasan di kalangan sarjana, begitu juga lokasi kedua-duanya. Istilah dalam banyak sumber Arab adalah dalam bentuk Lamri atau Lamuri (Sulayman alMahri masih menyebutnya sehingga pada abad ke-16), tetapi apabila di dahului dengan awalan huruf r menjadi Ramin, Ramni, Ram (istilah yang digunakan oleh Khurdadhbih hingga Biruni). Tempat ini diidentifikasi sebagai di hujung Utara Sumatra.

Di dalam buku *Lobu Tua Sejarah Awal Barus* dinyatakan pendapat bahawa Lambre/Lam(b)ri(n) perlu dibezakan dengan Ramin / Ramni yang terdapat dalam sumbersumber Arab awal kerana dalam karya Ahbar...Ramni merupakan bahagian Utara Sumatra dan bukan satu pelabuhan tertentu, sedangkan karya *Livre des Marveilles...* mencatatkan Lamuri sebagai satu pelabuhan (sebuah "pulau") yang dapat dicapai melalui jalan darat oleh pelaut-pelaut yang kapalnya karam di pantai Barat. Di dalam kertas kerja ini, kami mengambil keputusan untuk menyatukan Ramni dan Lamuri dalam sub tajuk yang sama bagi memudahkan pembacaan berkenaan kedua-dua kerajaan ini apabila ianya dibincangkan bersama-sama.

Di dalam teks-teks Arab ada disebut berkenaan Ramni / Lamuri. Antaranya di dalam kitab Al-Akhbar Al-Sin Wa'l-Hind (850M), Ramni dicatatkan sebagai sebuah pulau di kepulauan Laut Harkand, yang mana luas Ramni ialah 800-900 parasangs dan ia diapit oleh dua laut iaitu laut Harkand dan laut Salahit. Kepulauan ini dibahagikan kepada ramai raja. Di sini direkodkan terdapat banyak lombong emas, kampor atau fansur, pokok kelapa, buluh dan gajah. Dinyatakan bahawa penduduk pulau ini adalah kanibal. Ibn Khurdadhbih (850M) pula merekodkan kedudukan Ram[n]I terletak selepas Sirandib (Ceylon). Beliau mencatatkan bahawa badak sumbu boleh ditemui di

sini dan badak sumbu diperkenalkan dan dikisahkan secara terperinci. Ini mungkin kerana di negara Arab tidak terdapat badak sumbu. Selain itu, direkodkan tentang penduduknya adalah bangsa yang berkulit putih yang mampu berenang mengejar bot yang bergerak laju. Mereka membuat pertukaran ambergris dengan besi yang dibawa dengan mulut.

Ibn Al-Faqih (903M) mengatakan perkara yang sama tentang Ramni seperti Ibn Khurdadhbih dan Akhbar al-Sin dan tambahan darinya ialah penduduknya sangat bertenaga dan mereka memburu gajah. Sesetengah rajanya memiliki barang yang indahindah seperti sandal dan cokmar. Abu Zaid (916M) merekodkan Rami [Ramni] sebagai sebuah pulau kepunyaan Raja Zabaj. Keluasannya ialah 600 parasangs dan di sini boleh di temui kayu brazilin, kampor dan tanaman-tanaman lain.

Mas'udi (956M) dalam kitab *Muruj al-Dhahab* menyebut berkenaan kedudukan pulau ini lebih kurang 1000 parasangs jauhnya dari Sirandib. Mempunyai penduduk dan diperintah oleh beberapa orang raja. (Kemudiannya Ramni dimiliki oleh Maharaja). Negara ini dipenuhi dengan banyak lombong emas. Biruni (973-1048M) pula dalam kitab *India* menyatakan bahawa Ramni merupakan sebuah kepulauan kepunyaan Ceylon dan mempunyai negeri Athar al-baqiya Idrisi (D. 1165) pula mencatatkan panjang Ram[ni] ialah 700 parasangs.

Kerajaan Lamuri ada disebut di dalam kitab ‘Aja’ib Al-Hind (1000M) iaitu ia merupakan sebuah pulau yang terletak di pantai Sanfin. Muhammad Ibn Babishah mencatatkan bahawa di sini dapat ditemui monyet yang bersaiz luar biasa tinggi dan semut yang sangat besar. Selain itu, terdapat *Zarafa* yang sangat tinggi. Pelayar-pelayar menahan diri dari berlayar pada waktu malam kerana takut bertemu dengan *zarafa* kerana ia tidak muncul pada waktu siang. Penduduknya adalah kanibal tetapi hanya memakan musuh mereka kerana ingin membala dendam bukan kerana mereka perlu memakannya.

Ibn Said (meninggal dunia 1274) juga merekodkan tentang Kerajaan Lamuri iaitu kedudukannya di hujung barat dengan longitud 144, terletak di bucu antara bandar-bandar dan terkenal di kalangan pengembara (Dicatatkan bahawa beberapa orang penulis menyebut tentang latitud yang berbeza).

Rashid Al-Din (meninggal dunia 1318) mencatatkan Lamuri sebagai sebuah pulau yang sangat besar dan terletak di luar Ceylon. Dinyatakan bahawa Lamuri mempunyai rajanya sendiri. Pulau ini terdapat banyak bandar iaitu Ara, Barlak, Dalmyan, Jawa dan Barkudoz.

Kalah / Kalah-Bar / Kilah

Kalah atau Kalaha adalah panggilan oleh orang Arab dan Parsi kepada kerajaan awal di Semenanjung Tanah Melayu khususnya Kedah dan ia merupakan pusat tumpuan perdagangan awal yang penting. Selain itu, orang Arab juga menamakan Kedah sebagai Queda da Qalha. Istilah Kedah bagi orang Tamil ialah Kedaram, Kalagam dan Kataha, manakala orang Cina memanggil dengan nama Cheh-Cha ata Ka-Cha. Hanya terdapat beberapa pusat perdagangan awal di pantai barat tetapi ia lebih didominasi oleh Kalah kerana kedudukannya yang strategik iaitu terletak di pintu masuk ke Selat Melaka.

Selepas abad ke-17, Srivijaya menakluk Kedah, namun berdasarkan kemahsyurannya, sumber India tetap menggambarkannya sebagai Kedah. Sejarah awal kedah boleh dikesan daripada pelbagai sumber, daripada zaman pra-sejarah yang membawa ke tapak arkeologi di Lembah Bujang, perdagangan maritime awal dari India, Parsi dan China. Antara rekod awal ialah Hikayat Merong Mahawangsa yang dikenali juga sebagai sejarah Kedah. Selain itu, reksod-rekod atau teks-teks Arab tahun 800-1500M juga dapat memberi gambara tentang sejarah Kedah/Kalah.

Teks-teks Arab yang mencatatkan tentang kerajaan Kalah antaranya ialah kitab AlAkhbar Al-Sin Wa'l-Hind (850M) direkodkan "Bar" bermaksud ia merangkumi keduaduanya iaitu negara dan pantai. Ini menunjukkan luasnya kerajaan empayar Kalah. Negara ini adalah kepunyaan Maharaja Zabaj dan semua raja-raja adalah dibawah naungannya. Dicatatkan bahawa setiap orang, raja atau orang biasa memakai sehelai sarong Melayu (فوطة – futa). Dicatatkan bahawa pelayar-pelayar mengambil air segar daripada perigiperigi di sini.

Ibn Khurdadhbih (850M) dan Idrisi (1165M) merekodkan perjalanan antara Alankabalus / Langabalus dengan pulau Kilah (Kalah) ialah enam hari. Pulau ini milik raja *Jabat al-Hindi* dan ia mengandungi lombong timah yang terkenal iaitu *al-Qal'i* dan tanaman buluh.

Ya'qubi (897M) mencatatkan Kalah bar sebuah pulau yang berada di laut keempat dalam lautan India. Ia merupakan kawasan yang kurang air. Pulau ini banyak ditemui pokok camphor dan juga banyak ular.

Angin sering bertiup kencang hingga menyebabkan kapal rosak. Abu'l Fadl 'Allami (meninggal dunia 1602) dicatatkan longitud bagi Kalah ialah 140 dan latitudnya ialah 8.

Abu Zaid (916M) menyatakan bahawa kerajaan Kalah adalah sebuah pulau milik Raja Zabaj. Kedudukannya ditengah perjalanan antara tanah China dan negara Arab dan keluasannya ialah 80 parasangs. Dicatatkan bahawa Kalah merupakan pusat perdagangan aloeswood, kampor, sandal kayu, gading, timah, kayu hitam, kayu baqam, pelbagai jenis rempah dan barang yang tidak terkira banyaknya. Ekspedisi perdagangan bermula dari Oman (kini) hingga ke negara Arab.

Mas'udi (956M) menulis dalam kitabnya *Muruj al-Dhahab* bahawa Kalah merupakan pulau Maharaja dan di sekeliling Kalah merupakan lombong-lombong emas dan perak. catatan beliau menyebut kapal-kapal pedagang yang berdagang ke China akan melalui tanah Kalah iaitu lebih kurang separuh perjalanan ke China. Kini, bandar ini merupakan terminal untuk kapal-kapal muslim dari Siraf dan Oman bertemu dengan kapal-kapal yang turun dari China. Perdagangan ini bermula di bandar Kalah sebelum menuju ke pelabuhan Khanfu, China. Kalah-bar berada di laut ke empat iaitu Laut Kalah. Bagi tempat lautnya yang cetek, yang mana bahaya dan sukar untuk pelayaran, terdapat *surr* iaitu tempat pertemuan dua laut (antara terusan dan jurang) dan mereka dapat jalan melaluinya. Dinyatakan bahawa pelayar-pelayar dari Siraf dan Oman sering berlayar ke Kalah dan Zabaj. Mas'udi dalam *Kitab al-Tanbih* disebut terdapatnya gunung berapi yang besar di pulau-pulau di sini.

Sindbad (*Fourth voyage*) merekodkan kedudukan Kalah enam hari dari Naqus. Kerajaan Kalah merupakan sebuah empayar yang besar dan rajanya adalah seorang pemerintah yang sangat berkuasa. Kalah mempunyai lombong-lombong timah, tanaman buluh dan kampor yang hebat.

Di dalam kitab 'Aja'ib Al-Hind (1000M) dicatatkan bahawa penduduknya adalah kanibal tetapi hanya makan musuh mereka kerana membala dendam bukan kerana perlu memakannya.

Idrisi (1165M) juga menulis Kalah kaya dengan lombong timah. Logam ini sangat tulin dan bersinar tetapi pedagang menyeludup dari lombong dan membawa keluar ke seluruh dunia. Pengeluaran pulau ini ialah rotan dan kampor yang bermutu. Penduduknya lelaki dan perempuan memakai sehelai pakaian *futa*. Dimashqi (1327M)

merekodkan tentang kedudukan Kalah iaitu ia terletak di pantai laut Maharaja ke arah utara (Antara empat bandar yang disebut ialah Kalah, Lawri, Maharaja dan Balhur). Ia mempunyai satu laut, sebuah pulau dan sebuah bandar, yang paling besar antara empat bandar di pulau yang sama. Panjang pulau ini ialah 800 batu dan lebarnya ialah 300 batu dan ia mempunyai bandar-bandar iaitu Fansur, Jawa, Malayur dan Kala.

Banyak lagi teks-teks Arab yang tercatat berkenaan kerajaan Kalah antaranya oleh Abu Dulaf (940M), Ibn Serapion (950M), Mukhtasar Al-Ajaib (1000M), Yaqut dalam kitabnya *Marasia Al-Ittila*, Abu'l Fida (1331M) dan Bakawi (1400M).

Salahit

Salahit dirujuk sebagai Selat Melaka. Pada abad ke-9 Masihi, penulis Arab Ya'qubi merujuk *Bahr Salahit* atau Laut Salahit sebagai Selat Melaka iaitu satu daripada tujuh laut yang ditempuhi untuk menuju ke China. Beliau juga mengatakan Salahit adalah laut kelima. Ia merupakan laut yang luas dan mempunyai banyak benda-benda yang luar biasa. Ada yang merujuk ia sebagai Singapura, namun kebanyakannya secara umum merujuk Salahit sebagai Selat Melaka iaitu tempat pertemuan antara orang Arab dengan orang dari

Zabaj atau Sumatra. Al-Mas'udi (956M) juga menyatakan orang dari tanah Zabaj dan orang-orang dari zon Arab berhubung melalui laut di sepanjang dan sekitar Selat Melaka (*Bahr Salahit*), khususnya laluan selatan yang sempit yang merupakan jalan laut terpendek menuju ke China dari Teluk Benggala.

Ibn Khurdadhbih (850M) menulis tentang Salahit iaitu ia sebuah pulau yang kedudukannya dari Balus ke pulau ini sehingga dua parasang. Beliau menyatakan Raja Salahit menyembah Buddha dan ia memakai perhiasan dan tiara daripada emas Manakala Idrisi (meninggal dunia 1165) menyatakan Salahit dengan Jaba jauh dua parasang dan mempunyai raja yang sama. Dimashqi (meninggal dunia 1327) mencatatkan ukur lilit Salahit ialah 300 batu dan ia ditutupi dengan gunung-gunung dan hutan-hutan.

Ibn Khurdadhbih (850M), Ya'qub (897M), Ibn Al-Faqih (903M), Ibn Rusta (900M), Ibn Sina (meninggal dunia 1037) dan Ibn Al-Baitar (meninggal dunia 1248) merekodkan bahawa Salahit mempunyai ambar (ambergris) terbaik yang digunakan untuk membuat minyak wangi. Ibn Faqih pula menyatakan ambar dari pulau ini lebih baik daripada tempat lain. Selain itu, hasil pengeluaran Salahit ialah

cengkih (Ibn Khurdadhbih 850M) kayu Brazilin banyak ditemui di selatan pantai Salahit (Ibn Khurdadhbih 850M dan Ibn AlFaqih 903M), sandal kayu (Ibn Khurdadhbih 850M, Sindbad dan Qazwini 1283M), kampor (Qazwini 1283M) dan pokok kelapa (Dimashqi 1327M).

Qazwini (1283M) menceritakan tentang terdapatnya spesis ikan yang bila ia tinggalkan laut dan memanjang pokok dan menghirup jus buah pokok tersebut, kemudiannya ikan itu akan jatuh kerana mabuk dan orang akan datang mengambilnya. Penulis Tuhfat al-gharaib menceritakan tentang air terbenam/air terjun di sini, yang boleh bertukar menjadi batu. Ibn Al-Wardi (1457M) pula menyatakan tentang ikan yang memanjang dan menambah ikan-ikan berikut, *karmahi, baba* dan *'amada*.

Kulam / Melayu / Malayur

Di dalam rekod sejarah China, terma atau istilah “Countries of the Western Paradise” adalah merujuk kepada negara-negara di sub-benua India. Negara-negara ini mempunyai hubungan yang rapat dengan China pada zaman Dinasti Song daripada ketika Dinasti Tang. Pedagang-pedagang Cina melakukan perjalanan ke wilayah Arab perlu berpindah ke bot-bot kecil di Kerajaan Kulam (iaitu di daerah Cochin di pantai Baratb sekarang India). Pedagang-pedagang Arab yang ke China juga perlu, pada tempat ini (Kulam) bertukar kepada kapal yang lebih besar. Oleh itu, ramai pedagang Arab tinggal sementara atau tinggal dalam jangka masa lama di Kulam (Li Qingxin, 2006).

Kulam atau Melayu ada direkodkan dalam teks-teks Arab antaranya ialah kitab AlAkhbar Al-Sin Wa'l-Hind (850M) iaitu ianya berdekatan dengan Harkand dan jarak antara

Kulam dan Kalah-bar ialah sebulan. Di dalam ‘Aja’ib Al-Hind (1000M) pula dinyatakan bahawa sesetengah pengembara akan mencapai ke laut Malayu, yang mana ia mendekati kawasan China dan dapat melihat puncak gunung.

Ibn Said (meninggal dunia 1274) menyebut Malayur, yang mana kami berpendapat ia juga adalah kerajaan Melayu. Menurut beliau bandar Malayur terletak di timur laut pantai. Ia adalah tempat berlabuh.

Longitudnya lebih sedikit daripada Kalah iaitu 140. Panjang pulau ini adalah lebih kurang 800 batu. Manakala Dimashqi (meninggal dunia 1327) menyatakan bahawa Malayur merupakan salah satu bandar di Jawa.

Sribuza

Abu Zaid (916M) mencatatkan bahawa Sribuza merupakan sebuah pulau kepunyaan Raja Zabaj yang keluasannya ialah 400 parasang dan Ibn Said (1274M) merekodkan Sribuza sebagai pulau yang terbesar, yang panjangnya dari utara ke selatan ialah 400 batu dan lebar timur dan barat ialah 160 batu. Abu'l Fida (1331M) menyatakan longitud Sribuza $108^{\circ} 30'$ manakala menurut al-Biruni di dalam kitab *Qanun*, Sribuza mempunyai longitud 140 dan latitud 1. Menurut Idrisi (1165M) Sribuza salah satu daripada kepulauan Zabaj yang berukur lilit lebih kurang 1200 batu.

Mas'udi (956M) dai dalam kitabnya *Muruj Al-Dhahab* menulis bahawa Sribuza berada dalam empayar Maharaja dan kedudukannya 400 parasangs daripada benua. Di sekeliling Sribuza merupakan lombong-lombong emas dan perak. Mas'udi juga ada menulis berkenaan Sribuza dalam *Kitab Al-Tanbih* bahawa di Sribuza terdapat gunung berapi yang besar di pulau-pulau di sini. Empayar ini mempunyai populasi yang besar dan bilangan tentera yang tidak terkira banyaknya dan mereka memanggil raja dengan gelaran Maharaja. Menurut Dimashqi (1327M) pemerintah Sribuza dipanggil Raja Sanf.

Di dalam kitab 'Aja'ib Al-Hind (1000M) disebutkan bahawa Sribuza terletak di penghujung Pulau Lamuri iaitu 120 *zam* dari Kallah. Diceritakan kisah penduduk di sini menggunakan bomoh untuk menentang buaya. Bomoh India akan digunakan untuk membuatkan buaya ini tidak membahayakan dan tunduk mengikut kemahuannya dan terdapat seorang wanita yang mempunyai haiwan seperti bentuk manusia berwajah hitam, kaki dan tangan lebih panjang daripada manusia. Mempunyai ekor yang panjang dan berbulu seperti monyet. Walaupun ia seperti monyet tetapi muka dan bentuknya seperti manusia. Selain itu terdapat catatan yang diambil daripada pedagang Yahudi bahawa Gabenor Sribuza meminta cukai dua puluh ribu dinar untuk melalui Sribuza sebelum membenarkan mereka meneruskan perjalanan ke China. Produk pengeluaran Sribuza ialah mutiara dan pelbagai jenis wangian dan minyak wangi (Idrisi 1165M dan kitab Mukhtasar Al-Ajaib 1000M) dan kampor (Kharaqi 1138M).

Langabalus / Alankabalus

Terdapat beberapa kemungkinan lokasi Langabalus antaranya, dinyatakan oleh alDimashki di dalam bukunya *Cosmography* (1325) bahawa kampor adalah antara produk Langabalus. Langabalus merupakan kepulauan Nikobar, di mana tiada laporan tentang kampor.

Dikatakan ini berkemungkinan Dimashki keliru Langabalus dengan Balus di utara Sumatra yang merupakan kawasan kampor yang terkenal. Kemungkinan lain yang menarik perhatian ialah Langabalus adalah Pulau Langkawi, persisiran pantai dari Kalah. Dengan lain perkataan Langabalus dan Kalah, boleh dikatakan dari satu tempat yang sama atau satu pelabuhan di pantai Barat Malaya, di mana kampor yang bermutu boleh ditemui dan dibeli. (R.A. Donkin, 1999)

Langabalus/Langkabalus/Alankabalus disebut di dalam banyak teks-teks Arab. Antaranya di dalam kitab Al-Akhbar Al-Sin Wa'l-Hind (850M), Langabalus dinyatakan terletak melepas laut Harkand. Di sana terdapat ramai penduduk, mereka tidak berbahasa Arab atau bahasa-bahasa lain dan hanya berbahasa menggunakan isyarat tangan. Mereka berkulit putih, kurang berambut dan tidak berpakaian, perempuan hanya ditutupi dengan daun. Mereka juga mempunyai kenu/perahu yang diperbuat daripada sebatang pokok dan membuat tukaran kelapa, tebu, pisang, arak dan ambar (ambergris) dengan besi daripada kapal-kapal yang lalu. Dicatatkan juga bahawa mereka sangat pandai berenang dan kadang kala mereka merompak daripada kapal yang datang.

Di dalam kitab ‘Aja’ib Al-Hind (1000M) pula dicatatkan bahawa penduduk pulau ini adalah sekumpulan penduduk dari banyak pulau sejauh 80 parasangs. Mereka keluar untuk bertemu dengan kapal-kapal dan membuat pertukaran barang dari tangan ke tangan. Mereka akan membawa orang asing ke rumah dan memberi makan apa yang diingini. Mereka tidak akan dimakan selagi ia mengikut kemahuan mereka. Orang asing itu akan terus dilayan sehingga ada kapal lain yang sampai dan akan membawa meraka ke kapal itu dan mendapat ganjaran pertukaran, di mana ketua kapal tidak boleh menolaknya. Menurut Idrisi (1165M) dari Balus ke pulau Langabalus mengambil masa dua hari. Ibn Said (1274M) menulis tentang Langabalus iaitu ia merupakan pulau yang ketiga. Penduduknya berkulit hitam, hodoh, bertelanjang. Mereka menyerang pengembara dan ada di antara mereka adalah kanibal. Biruni (973-1048M) juga di dalam kitabnya *India* menyebut penduduk Langabalus adalah kanibal.

Dimashqi (1327M) merekodkan bahawa di Langabalus ditemui satu lombong besi seperti warna perak dan pokok kampor manakala Ibn Al-Faqih (903M) merekodkan bahawa buluh adalah hasil pengeluaran Langabalus.

Mawarzi (1120M) pula menulis Lankabalus, yang pada pendapat kami ia juga merujuk nama tempat yang sama. Menurut beliau

Langkabalus ialah sebuah pulau yang terletak di laut India, berukuran diameter 700 parasangs. Bahasa penduduknya sukar diketahui dan mereka mengikut kapal-kapal dan dengan menggunakan bahasa isyarat dan gerak badan, mereka membeli besi daripada kapal-kapal tersebut. Di laut Langkabalus ditemui ambar (ambergris) dan mereka tidak mengambil keuntungan daripadanya.

Begitu juga dengan Ibn Khurdadhbih (850M) yang merekodkan nama Alankabalus, yang mana kami juga berpendapat ia adalah Langabalus. Menurut beliau, Alankabalus terletak sejauh 10-15 hari perjalanan dari Sirandib. Penduduknya tidak berpakaian dan makanan mereka adalah pisang, ikan dan kelapa. Besi merupakan barang yang berharga kepada mereka. Mereka juga sering dilawati oleh pedagang luar.

Lain-lain Kerajaan Melayu

Selain daripada nama kerajaan-kerajaan Melayu yang disebut di atas, terdapat beberapa nama kerajaan lagi yang direkodkan di dalam teks-teks Arab. Di bawah ini disenaraikan kerajaan-kerajaan tersebut secara ringkas.

Tiyuma, Kadrang, Sanf/ Sanfin, Sundur Fulat, Sankhai, Malhan, Jaba, Harang, Ma’it, Qmar/Qmariyan, Bartayil / Kasil, Luqin, Qaqulla, Sind, Fansur, Harkand, Langa, Harang, Tawaran, Sirandib, Qal’ā, Saimur, Jajulla, Sofala, Naqus, Al-‘Asarat, Maraqqawand, Armanan, Badfarkalah, Mait, Lulu bilank, Nias /al-Banaman /al-Niyan, Barawa, Andaman al-Kabir/Andaman, Waq/ Waqwaq, Maidh atau Kul, Dibajat, Zanzibar, Zanj, Anjaba, Karimata,, Shamal, Shabrama atau Shabarma, Muja, Maid, Ayam atau Anam, Jawa/ Zawa, Kilwa, Unquja, Silan, Nakwara, Barqala, Larman, Bintan, Qur, Qamrun (Karimon), Taragha, Hanaba, Mul-Chava, Darband Nias, Ara, Barlak, Dalmyan, Barkudoz, Nakavaram , Khumdan, Larwi, Kala, Pulau Subh, Pulau Fortress, Khalba, Thuba, Karwa, Sahuta, Samatar, Khalifat, Balhur, Sunurkawan dan Barahnakar.

KESIMPULAN

Makalah ini akan lebih lengkap kalau kami mampu membahaskan keseluruhan maklumat tentang Kerajaan-Kerajaan Melayu yang kami kumpulkan daripadakitab-kitab Arab berkenaan. Kami jadikan itu sebagai matlamat kami kemudiannya. Namun, apa yang lebih penting adalah mendapatkan nama-nama terkini bagi Kerajaan-Kerajaan Melayu tersebut, jika nama-namanya masih kekal digunakan kini. Dan akan menjadi lebih berharga agarnya nama-nama tersebut dapat disahkan benar kewujudannya daripada teks-teks sejarah tamadun

manusia yang lainnya, seperti China, Jepun, Eropah, India dan lainlainnya.

Rujukan

- Dada Meuraxa. 1973. *Sejarah Masuknya Islam ke Bandar Barus, Sumatra Utara: Lobu Tuo, Fansur Barus Lebih Dahulu dari Sriwijaya, Lemuri, Pasai dan Majapahit.*
- Donkin, R.A. 1999. *Dragon's Brain Perfume: An Historical Geography of Camphor.* Leiden: Brill.
- Donkin, R.A. 2003. *Between East and West: The Moluccas and the Traffic in Spices Up the Arrival of Europeans.* Philadelphia: American Philosophy Society for Its Memoir Series.
- Li Qingxin. 2006. *Maritime Silk Road.* China: China Intercontinental Press.
- Perret, D. (terj). 2014. *Lobu Tuo Sejarah Awal Barus.* Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Tibbets, G. R. 1979. A Study of the Arabic Texts Containing Material on South-East Asia. Leiden: Brill.